



**MINIT MESYUARAT  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, BAHAGIAN  
PERKHIDMATAN TEKNIKAL  
(KSKBPT) BIL. 1/ 2006**

Tel: 05-5406000; Fak: 05-5406100 ;  
webpage: <http://kskbpt.cjb.net>



**Tarikh : 07.03.2006**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Blok Zamrud, BPT.**  
**Masa : 09.00 pagi**

**HADIR :**

1. En. Shahar Effendi Bin Abdullah Azizi (Presiden) - Pengerusi
2. Tn. Hj. Azhari Bin Ahmad (Bendahari)
3. En. Abdul Wahab Bin Mohd Noor (Pen. Bendahari)
4. En Zahrulnajmi Bin Mohd Salleh (Pen Setiausaha Kehormat)
5. En. Dzazali Bin Ayub (Ketua Biro Rekreasi)
6. En. Abdullah Bin Sulaiman (Ketua Biro Sukan)
7. En. Mohd. Zahar Bin Ibrahim (AJK - Webmaster)
8. Pn. Hjh. Noor Ashikin bt Abd. Razak (Ketua Biro Kebajikan & Sosial)
9. Pn. Rodziah Binti Husain (Ketua Biro HELWA)
10. Pn. Hamisah Binti Adnan (AJK)
11. En. Mohd Fuzi Bin Hashim (Setiausaha Kehormat) - Setiausaha

**TIDAK HADIR :**

1. Tn. Hj. Mohd. Zaidi Bin Mohd. Hassan (Timbalan Presiden) – Tugas Rasmi di Pulau Pinang

**1.0 UCAPAN PENERUSI**

Tuan Pengerusi memberi salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang dapat hadir. Beliau selanjutnya menjelaskan mengenai tujuan mesyuarat diadakan pada kali ini adalah untuk membincangkan perkara-perkara berikut:

- o Mesyuarat Agung kali ke-3(2006)
- o Laporan Aktiviti Kelab 2005
- o Kad Ahli KSKBPT
- o Borang Biodata AJK KSKBPT

**2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 3/2005**

Minit Mesyuarat Kelab Sukan dan Kebajikan, Bahagian Perkhidmatan Teknikal Bil. 3/2005 telah diterima dan disahkan tanpa pindaan.

**3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT DARI MINIT MESYUARAT Bil 3/2005****3.1 Ahli Bersekutu.**

Setiausaha memaklumkan akan memastikan urusan pindaan Undang-Undang Bagi Pertubuhan Kelab Sukan dan Kebajikan BPT berkenaan ahli bersekutu akan diselesaikan sebelum mesyuarat agung yang akan datang. (Tindakan : Setiausaha Kehormat)

**3.2 Bilik Kelab.**

Bendahari memaklumkan bahawa kunci bilik kelab dipegang oleh Tn Hj Tarmidzi. Presiden meminta agar setiausaha mendapatkan kunci untuk memindahkan kesemua stok air mineral dan peralatan sukan ke dalam bilik kelab. Presiden meminta agar Biro Helwa dapat melakukan sedikit hiasan dan mengemaskan bilik setelah kunci diperolehi oleh setiausaha kelab.

Tindakan : Setiausaha & Biro Helwa

**3.3 Pelekat Kenderaan**

Presiden memaklumkan bahawa bayaran untuk pendahuluan yang dikeluarkan Kelab untuk mengeluarkan Pelekat kenderaan tersebut sudah pun diperolehi dan tempahan pelekat kenderaan yang baru juga sudah diuruskan.

Makluman : Semua

**3.4 Lawatan Sambil Belajar**

Masih dalam tindakan dan perancangan lagi disebabkan tiada masa yang sesuai dan kesukaran mendapatkan pengangkutan yang berpatutan.

Tindakan : Biro Kebajikan

**3.5 Sumbangan Kelab**

- i. Menyentuh mengenai sumbangan kelab kepada ahli seperti mana yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Agong yang lalu, Puan Hjh Norasyikin memaklumkan yang borang makluman sudah pun disediakan dan perkara tersebut sudah pun diuruskan. Namun beliau memaklumkan bahawa borang makluman masih perlu diisi untuk tujuan rekod.
- ii. Biro Kebajikan telah diminta untuk mengambil langkah proaktif selepas ini untuk mengesan dan menyalurkan sumbangan kelab kepada ahli-ahli yang layak mendapatkan sumbangan tersebut.
- iii. Tuan Presiden mencadangkan agar segala urusan tuntutan wang sumbangan dari kelab hanya diuruskan oleh Biro Kebajikan dan Bendahari sahaja agar dapat mengurangkan Birokrasi.

Tindakan: Biro Kebajikan

#### **4.0 LAPORAN BIRO-BIRO.**

#### **4.1 LAPORAN SETIAUSAHA KEHORMAT**

##### **4.1.1 Keahlian**

Setiausaha Kehormat memaklumkan bahawa sehingga hari ini, seramai 139 orang pegawai dan kakitangan telah mendaftarkan secara rasmi sebagai ahli kelab.

Makluman : Semua

##### **4.1.2 Potongan Biro Angkasa.**

Setiausaha Kehormat memaklumkan Borang Potongan Biro Angkasa yang baru dipesan telah pun tiba dan usaha-usaha untuk mempromosi serta mendapatkan sekurang-kurangnya 10 orang ahli yang menyertai skim potongan biro angkasa setiap bulan sedang dijalankan dengan kerjasama Bendahari Kehormat. Setiausaha memaklumkan, urusan potongan Biro Angkasa selepas ini akan diwakilkan kepada Penolong Setiausaha Kehormat.

Tindakan :Pen. Setiausaha Kehormat & Bendahari.

##### **4.1.3 Laporan kepada Pendaftar Pertubuhan.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa laporan kepada Pendaftar Pertubuhan akan diserahkan selewat-lewatnya pada pertengahan bulan April depan.

Tindakan :Setiausaha Kehormat.

##### **4.1.4 Keahlian Kelab.**

Setiausaha memaklumkan bahawa satu senarai lengkap yang telah dikemaskini telah diserahkan kepada setiap pengarah program yang terlibat. Namun untuk senarai ternaru bagi tahun 2006, usaha-usaha penyelarasan maklumat bersama Setiausaha dan Bendahari sedang dijalankan untuk mengemaskini semula senarai terbaru ahli. Untuk tindakan selepas ini mesyuarat mencadangkan agar borang permohonan keahlian disediakan dalam dua salinan, satu untuk bendahari dan satu untuk simpanan setiausaha.

Tindakan : Setiausaha Kehormat & Bendahari Kehormat.

##### **4.1.5 Kalendar untuk Aktiviti yang Dirancangan.**

Setiausaha memaklumkan kalendar aktiviti tahunan kelab akan dikeluarkan selepas ini dan memohon kerjasama AJK Kelab untuk memberikan butir-butir aktiviti yang akan, sedang dan telah dijalankan untuk dimasukkan dalam kalendar tersebut.

Tindakan : Setiausaha Kehormat.

#### **4.2 LAPORAN BENDAHARI KEHORMAT**

4.2.1 Bendahari Kehormat memaklumkan kedudukan kewangan kelab adalah seperti berikut:

- Baki tunai dalam bank RM900.00
- Cek bayaran pendahuluan dari JMG Negeri Perak RM500.00.
- Anggaran Tuntutan bayaran pendahuluan kantin RM3000.00.
- Bayaran Yuran Ahli akan dikemukakan kemudian.

Makluman:Semua

### 4.3 BIRO SUKAN

En Abdullah selaku Pengerusi Biro Sukan mengemukakan laporan mengenai perkembangan aktiviti yang telah dan sedang dirancang oleh Biro Sukan seperti berikut:

- 4.3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa tempahan gelanggang badminton telah dibuat namun tidak mendapat sambutan. Oleh itu, tempahan tersebut telah dihentikan sekarang. Namun buat masa ini, permainan badminton telah pun diadakan digelanggang badminton di Gunung Rapat dan ianya ditanggung oleh individu yang terlibat. *Makluman: Semua*
- 4.3.2 Pasukan bola sepak JMG melibatkan gabungan di antara BPT, PPM dan JMG Perak telah pun dilancarkan dan telah menyertai Liga Divisyen III pada tahun 2006. Pasukan Bola sepak JMG Ipoh telah diundi dalam kumpulan A bersama-sama 7 pasukan lain. Setakat ini telah pun berlansung sebanyak lima perlawanan di mana kita telah menang dua kali, seri sekali dan tewas sebanyak dua kali. Dua perlawanan lagi akan diadakan dan empat pasukan teratas dari kumpulan A layak memasuki pusingan seterusnya. Pengerusi Biro Sukan juga memaklumkan yang kedudukan kewangan Pasukan Bola sepak JMG Ipoh buat masa ini agak kritikal. Oleh itu Pengerusi biro sukan bercadang untuk memohon kelulusan dari MAKSAK bagi tujuan memohon sumbangan kelak. *Tindakan : Biro Sukan*
- 4.3.3 Karnival Sukan BPT 2006 akan diusahakan untuk diadakan sebelum mesyuarat agung 2006 nanti. *Tindakan : Biro Sukan*
- 4.3.4 Mesyuarat dimaklumkan JUPEM akan menjadi tuan rumah kepada Karnival Sukan NRE Zon Utara pada tahun ini dan maklumat lanjut akan diberikan oleh setiausaha JUPEM tidak lama lagi. *Tindakan : Biro Sukan*
- 4.3.5 Bagi aktiviti kelas renang, Pengerusi Biro sukan memaklumkan bahawa beliau sudah berbincang dengan Pn Zaharah dari PPM. Beliau dimaklumkan kelas tersebut boleh diadakan bagi katagori kanak-kanak dan dewasa asalkan mendapat sambutan. *Tindakan : Biro Sukan*

#### 4.4 BIRO KEBAJIKAN DAN SOSIAL

Puan Hjh Norasyikin selaku Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial memaklumkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sehingga Mac 2006.

- 4.4.1 Jamuan Hari Raya 2005
- 4.4.2 Jamuan Sambutan Tahun Baru Cica 2005
- 4.4.3 Kutipan sumbangan gempa bumi di Pakistan, 05.01.2006 berjumlah RM364.00
- 4.4.4 Sumbangan Kelab kepada ahli yang layak seperti berikut:
  - i. Kemalangan – En Arshad dan En Mohd Jo
  - ii. Perkahwinan – Rahmah, Abd Rani, Siti Hamisah, Maziah & Zahrunajmi.
  - iii. Bersara \_ En Ahmad Othman, Pn Rahimah, En Shahardin, Pn Halimaton Saadiah, En baharuddin dan Mr Lam Siu Kam.
  - iv. Kelahiran – En Shahar, En Fahami, Pn Hana, En Abdullah, dan Pn Rozana.

Makluman : Semua

#### 4.5 BIRO HELWA

- 4.5.1 Biro HELWA memaklumkan bahawa hasil jualan yang diperolehi dari jualan buku resepi adalah berjumlah RM32.50.

*Makluman : semua*

- 4.5.2 Pengerusi Biro Helwa juga memaklumkan perancangan untuk membuka kelas masakan pada bulan puasa ditangguhkan disebabkan kurang mendapat sambutan.

*Makluman : semua*

- 4.5.3 Presiden mencadangkan agar Biro Helwa bergabung dengan Biro rekreasi untuk menganjurkan lawatan ke Putrajaya dan Nilai 3 khusus untuk golongan Helwa.

*Tindakan : Biro Helwa*

#### 4.6 BIRO REKREASI

En Dzazali selaku Ketua Biro Rekreasi memaklumkan perjalanan Biro Rekreasi adalah seperti berikut:

- 4.6.1 Lawatan ke Gua Tempurung telah dijalankan pada bulan disember 2005 yang lalu dengan disertai seramai 14 orang peserta. 7 peserta daripada staff JMG manakan\la bakinya adalah ahli keluarga staff tersebut.

*Makluman : Semua*

- 4.6.2 Rancangan merentasi sungai perak terpaksa ditangguhkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

*Makluman : Semua*

- 4.6.3 Hari Keluarga pada tahun ini dijangka akan diadakan sebelum berlansungnya AGM 2006 nanti iaitu sebelum bulan Mei. Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk mengadakan hari keluarga bertempat di Sungai Kelah.

*Tindakan : Biro Rekreasi*

- 4.6.4 Tuan Presiden meminta agar jawatankuasa hari keluarga memohon dengan segera untuk mendapatkan kelulusan MAKSAK bagi tujuan mengutip sumbangan. Terdapat dua peringkat urusan permohonan, yang pertama ialah surat permohonan dan yang kedua senarai alamat syarikat yang berkenaan.

*Tindakan : Biro Rekreasi*

#### 4.7 BIRO EKONOMI

Membantu KSK BPT menjalankan aktiviti ekonomi bagi memantapkan kedudukan kewangan Kelab.

1. Membeli dan membekalkan air mineral kepada urusan rasmi BPT dan aktiviti KSKBPT.
2. Membekalkan perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman untuk urusan rasmi BPT dan aktiviti KSKBPT.
3. Membekalkan perkhidmatan lain kepada BPT.
4. Menjalankan aktiviti perolehan dan jualan bahan cenderahati untuk Tabung KSKBPT termasuk jualan barang-barang dari produk Atira.
5. 'STICKER' KENDERAAN  
Kelab telah diamanahkan untuk menguruskan dari segi penyediaan pelekat kenderaan. Kelab menggunakan 'template' yang diguna pada tahun lepas dimana hanya akan ada sedikit pengubahsuaian sahaja. Harga yang ditawarkan adalah RM2.00 bagi setiap satu. Jumlah yang dikeluarkan adalah 300 keping untuk kereta dan 200 keping untuk motosikal. Urusan pengedaran diuruskan oleh pentadbiran tetapi urusan pembelian dibuat oleh Kelab.

Makluman :semua

#### 4.8 WEB\_MASTER

En Mohd Zahar Bin Ibrahim selaku Web-Master mengemukakan laporan mengenai perkembangan aktiviti yang telah dan sedang dirancang oleh Web \_Team sehingga Mac 2006:

- 4.8.1 Pertandingan Teka Silang Kata Melalui Website  
Terpaksa ditamatkan peraduan tersebut kerana kurang mendapat sambutan.  
Makluman :semua
- 4.8.2 Pertandingan Melukis dan Mewarna Kanak-Kanak 2005 .  
Telah mendapat seramai 80 penyertaan yang terdiri daripada 42 anak bukan ahli kelab, 33 anak ahli kelab dan selebihnya anak-anak penaja.  
Makluman : Semua
- 4.8.3 Jualan Gambar VCD – terkini : Hari keluarga 2005, sukan NRE & Pertandingan Melukis dan Mewarna.  
Makluman : Semua
- 4.8.4 Promosi Laman Web – sentiasa, melalui Poster, Banner dan maklumat setempat.  
Makluman : Semua
- 4.8.5 Borang Soal Selidik- telah diedarkan semasa Mesyuarat Agong yang lalu namun tidak mendapat semula borang tersebut.  
Makluman : Semua

4.8.6 Kelas laman web juga kurang mendapat sambutan dan terpaksa ditangguhkan.  
Makluman : Semua

4.8.7 Cadangan aktiviti pada tahun 2006:

- i. Pertandingan Melukis dan Mewarna kanak-kanak 2006
- ii. Laksanakan Kad Ahli

Tindakan : Web-Master

## **5.0 HAL – HAL LAIN**

### **5.1 Laporan Tahun 2005**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa ibu pejabat pada tahun ini meminta semua kelab sukan agar menyerahkan laporan tahunan untuk tahun 2005 dengan kadar segera yang mungkin. Berikut dinyatakan butir-butirnya:

- i. Font (Arial)
- ii. Font Size (12)
- iii. Paragraf @ 'spacing 1.5'
- iv. Gambar Aktiviti dan
- v. Laporan aktiviti tahun 2005

Tindakan : Setiausaha

### **5.2 Kad Keahlian Kelab**

Mesyuarat telah sebulat suara bersetuju dengan cadangan En Zahar untuk mengeluarkan kad keahlian kepada semua ahli pada tahun ini dengan kos RM50.00. antara keistimewaan kad tersebut ialah:

- i. Potongan sehingga 50% yuran penyertaan untuk setiap aktiviti yang dianjurkan kelab
- ii. Potongan harga untuk semua jenis barang yang dijual atas nama kelab.
- iii. Keratan-keratan cabutan bertuah
- iv. Menggalakkan ahli membayar yuran tertunggak.

Tindakan : Web\_Master

### **5.3 AGM 2005**

Cadangan Tarikh ialah pada 11 Mei 2006. Mesyuarat telah memutuskan untuk mengadakan upacara pencalonan semasa hari berlansungnya AGM. Mesyuarat juga mencadangkan agar wang kopi diberi lagi untuk tahun ini kerana dilihat lebih berkesan dan menyeluruh. Setiausaha dikehendaki menyerahkan borang usul dan surat jemputan menghadiri AGM tersebut.

Tindakan : Setiausaha

## 6.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi. Beliau berharap agar segala aktiviti yang dirancang akan dapat dijalankan dengan secepat yang mungkin.

Disediakan oleh:



.....  
**MOHD FUZI BIN HASHIM**

Setiausaha Kehormat,  
Kelab Sukan Dan Kebajikan  
Bahagian Perkhidmatan Teknikal  
Jabatan Mineral & Geosains

Disahkan oleh:

.....  
**SHAHAR EFFENDI BIN ABDULLAH AZIZI**

Presiden,  
Kelab Sukan Dan Kebajikan  
Bahagian Perkhidmatan Teknikal  
Jabatan Mineral & Geosains